

06/12/1998

Rahim terbabit dalam banyak perniagaan

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Dr Abdul Rahim Md Ghouse, yang menjadi pengarah 44 syarikat terbabit dalam pelbagai jenis perniagaan termasuk perkhidmatan kewangan, pembinaan, telekomunikasi dan kegiatan runcit.

Pembabitan utama Dr Abdul Rahim ialah dalam syarikat yang tersenarai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), iaitu Abrar Group Corporation.

Abdul Rahim yang menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menuduh kerajaan mengamalkan kronisme, nepotisme dan kolusi, meninggalkan negara ini ke Manila selepas Anwar ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 20 September lalu.

Beliau bertemu beberapa senator dan ahli politik Filipina untuk melobi bagi pihak Anwar. Sekarang, beliau dipercayai ada di Jakarta.

Selain menjadi pengarah 44 syarikat, beliau juga memiliki saham dalam 14 daripada syarikat berkenaan.

Beliau yang meletak jawatan sebagai Pengarah Eksekutif Abrar Group International Sdn Bhd (Abrar Group) pada 18 September lalu, pernah menguasai 49 juta saham syarikat itu.

Berdasarkan rekod Pendaftaran Syarikat (ROC), antara syarikat yang beliau memegang jawatan pengarah ialah Acces Equity Sdn Bhd, NBCT Rail Sdn Bhd, Sambungan Transit Antarakota Sdn Bhd, Abrar Health Services Sdn Bhd, Abrar Construction Sdn Bhd dan Benar Antara Sdn Bhd.

Abrar Corporate Resources Sdn Bhd, BA Engineering Sdn Bhd, Science-Tech Solutions Sdn Bhd, Nadi Puspa (M) Sdn Bhd, I.I Management Consultants Sdn Bhd, Abrar Infrastructure Holdings Sdn Bhd, Camery Deluxe Sdn Bhd, Abrar Frontier Management Sdn Bhd, Chalpeak (M) Sdn Bhd dan Abrar Financial Holdings (M) Berhad.

Abrar Development Ventures Sdn Bhd, Meteoric Venture Sdn Bhd, Vital Accord Sdn Bhd, KFH Ijarah House (Malaysia) Sdn Bhd, Honan Plantations Sdn Bhd, Abrar Technologies Sdn Bhd dan Abrar Corporation Berhad.

Meadow Point Sdn Bhd, Accurate Networks & Systems Integration Berhad, Express Rail Link Sdn Bhd, Mun Loong-Hankyu Jaya Sdn Bhd, GBN Equipment Sdn Bhd, Aktimas Veneer Sdn Bhd, Abrar Vision Sdn Bhd, Rampai Jalir Sdn Bhd dan ISR Communications Sdn Bhd.

Dr Abdul Rahim juga memegang saham berjumlah 399,999 unit dalam Global Broadcast Networks Sdn Bhd; ISR Consultant Sdn Bhd (70,000 saham), BPM International Sdn Bhd (40,000 saham) dan ICM Studies Sdn Bhd (999 saham).

Syarikat lain yang beliau pernah memiliki saham ialah North East Meridian Sdn Bhd, AGI Nominees Sdn Bhd, Abrar Financial Holdings (Overseas) Sdn Bhd, North Meridian Sdn Bhd, Abrar-Kuwait Holdings Sdn Bhd, Abrar Venture Capital Sdn Bhd, Abrar Brokerage Holdings Sdn Bhd, Wisma Embun Sdn Bhd dan Keltimber Sdn Bhd.

Abdul Rahim bersama-sama bekas penolong setiausaha Pergerakan Pemuda Umno, Saifudin Nasution Ismail dan bekas setiausaha politik Anwar, Mohamad Ezam Mohd Nor dipecat daripada Umno pada 6 Oktober lalu kerana terbabit dalam aktiviti menentang parti.

Mereka menyokong reformasi yang dicetuskan Anwar secara agresif. Berikutan penangkapan Anwar, ketiga-tiga mereka meninggalkan negara dan berusaha mencari sokongan dan simpati ahli-ahli politik negara jiran.

Ketiga-tiga mereka terus membuat kenyataan akhbar mengutuk kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dari Indonesia dan tempat-tempat lain di rantau ini.

Abdul Rahim pernah menyandang jawatan Timbalan Dekan Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) hanya aktif dalam Umno pada 1990-an.

Sebelum ini, beliau adalah ahli Umno cawangan Sama Gagah dalam bahagian Permatang Pauh yang diketuai Anwar.

Beliau dipilih menjadi Ketua Pemuda Bahagian Permatang Pauh tahun lalu dan dilantik oleh bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, sebagai Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang.

(END)